

**TEKS UCAPAN KOMANDAN PALAPES UniMAP KOL PROF DATO'
DR. KAMARUDIN BIN HUSSIN PADA 4 FEB 2008 SEMPENA
MAJLIS MAKAN MALAM JASAMU DIKENANG**

Bismillahir rahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib
Canselor UniMAP (Penyelidikan Dan Inovasi),

Pegawai-Pegawai Utama Universiti

Yang diraikan Yang Berusaha Mejar Kamarul Arifin B Mohamed Azahar
selaku Ketua Jurulatih Pasukan PALAPES UniMAP yang akan bertukar
dan isterinya.

Yang Berbahagia Lt.Kol Zainuddin serta Pemangku, Wakil-wakil dan
Ketua-ketua Jabatan dari 4 Rejimen Renjer DiRaja, 6 Squadron
Jurutera, Rej 504, Rej 509, UitM, UUM dan UniMAP dan Para Pegawai
Kadet Yang Saya Kasihi Sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana
dengan limpah kurnia serta iziNya dapat saya menyampaikan ucapan
sempena makan malam 'JasaMu DiKenang'.

Hadirin sekalian,

Mejar Kamarul Arifin dilahirkan pada tanggal 27 Oktober 1966 di Temerloh Pahang. Beliau telah melanjutkan pelajarannya di SMK Temerloh hinggalah ke tingkatan 6. Kemudian beliau memasuki Sek Pegawai Kadet Port Dickson sehingga tahun 1986. Pada bulan April 1987 beliau ditauliahkan dan ditempatkan di RAMD Melayu DiRaja, Kem Sg. Ara P.Pinang.

Tidak lama selepas itu, beliau dilantik sebagai Pegawai Pengiring kepada Panglima 2 Divisyen selama sebulan, dan mengikut Panglima ke MKN, KL sebagai Pegawai Pengiring kepada Pengarah Task Force. Perjalanan Mejar Kamarul tidak terhenti setakat itu kerana beliau ditukarkan ke Markas 4 Div Pahang sebagai PS3 Logistik selama 2 tahun (1994-1996). Dan dilantik pula sebagai TS3 Gerak di 4 Divisyen KL selama 3 tahun (1996-1999).

Tidak lama kemudian beliau sekali lagi ditukarkan ke Malaysia Timur sebagai Penolong Ketua Kompeni di 11 RAMD Kuching Sarawak. Beliau menjawat jawatan ini selama 4 bulan sebelum dia dilantik sebagai Pegawai Gerakan selama 1 tahun ditempat yang sama. Selepas beliau mengikuti kursus di MTAT di KL selama setahun, beliau sekali lagi dilantik sebagai Ketua Jurulatih di UniMAP yang bermula dari 3/1/2005 hingga 15/1/2005 PALAPES KUKUM dilancarkan.

Sepanjang beliau menjalankan tugas di UniMAP banyak sumbangan yang telah beliau curahkan dan sudah pasti ianya tidak ternilai jika

hendak dibandingkan dengan usahanya untuk membangunkan pasukan PALAPES UniMAP. PALAPES UniMAP kini mempunyai seramai 164 orang pegawai Kadet dan 24 orang pegawai dan LLP staf PALAPES serta 6 orang pegawai sukarela. Mengimbas kembali sejarah, PALAPES UniMAP telah melalui banyak perubahan dan mengalami peningkatan selama 3 tahun.

Pada tahun 2005, Mej Kamarul telah mengadakan promosi pengambilan pertama pada bulan Jun 2005 iaitu seramai 71 orang mahasiswa/siswi diambil. Latihan pertama beliau telah dilaksanakan pada bulan Julai tahun 2005. PALAPES UniMAP telah mengaharumkan nama setelah sebulan pengambilan pertama, kadet-kadet kita yang telah meraih Johan Perbarisan Badan Beruniform negeri Perlis sempena perayaan Merdeka. PALAPES UniMAP lagi sekali merangkul juara Badan Beruniform negeri Perlis sempena perayaan Merdeka 2006. Sempena menghargai sumbangan PALAPES di dalam aktiviti-aktiviti UniMAP, pasukan ini dianugerahi 'BADAN UNIFORM TERBAIK' di UniMAP.

Kem Tahunan pertama juga telah dilaksanakan dengan jayanya oleh beliau pada bulan Disember 2005 di Bukit Kachi & Sintok. Selain itu, Aktiviti Kembaraduga pertama berjaya di lakukan dengan sempurna di Kg. Seberang Jeli dan juga lawatan pertama ke Cameron Highland. Pada tahun 2007 Kembaraduga di Jeli di dilaksanakan dengan jayanya. Turut diadakan Latihan Kem Tahunan 2007 merupakan yang julung kali di lakukan di antara 3 buah universiti iaitu UniMAP, UUM & UiTM, yang bertemakan 'Gegar Utara'.

Aktiviti-aktiviti yang dinyatakan di atas merupakan sumbangan Mejar Kamarul semasa beliau memegang Ketua Jurulatih PALAPES UniMAP selama 3 tahun. Pada dasarnya PALAPES telah berjaya melahirkan para graduan yang berjaya di dalam bidang yang mereka ceburi serta mempunyai kesedaran tinggi terhadap tanggungjawab kepada negara, walaupun mereka tidak berkhidmat secara langsung dengan ATM. Ini adalah faktor 'intangibile' yang dapat menyumbang kepada hasrat murni kerajaan dalam membentuk modal insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Akhir kata saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tak terhingga di atas segala sumbangan yang telah dilakukan oleh beliau dan semoga beliau mencapai kejayaan di pasukan yang baru. Hanya Allah S.W.T sahaja yang dapat membalasnya. Terimalah dua rangkap pantun yang ditujukan khas buat Mejar Kamarul;

Pucuk pauh delima batu
Anak sembilang ditapak tangan
Biar jauh dinegeri satu
Hilang dimata dihati jangan

Bagaimana tidak dikenang
Pucuknya pauh selasih Jambi
Bagaimana tidak terkenang
Dagang yang jauh kekasih hati

Sebelum, saya mengakhiri ucapan, kami mengalu-alukan kedatangan Ketua Jurulatih baru PALAPES UniMAP iaitu Mejar Rahimi bin Rasip.

Dengan lafaz bismillahi rahmani rahim, saya dengan rasminya merasmikan MAJLIS MALAM JASAMU DIKENANG.